

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 2(11)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 11 TAHUN 2015**

Tarikh : 25 November 2015 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi hingga 12.30 tengah hari
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 5. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 6. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 7. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 8. | Encik Michael Noel Jalleh | - | " |
| 9. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 10. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 11. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |

12.	Ir. Izham bin Hashim	-	"
13.	Encik Wan Hock Leong	-	"
14.	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	-	"
15.	Puan Norzaihan binti Ismail	-	"
16.	Encik Jaber bin Ami	-	"
17.	Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy	-	"
18.	Puan Sharmazira binti Md Sharif	-	"
19.	Dr. Mahendran a/l V Markandoo	-	"
20.	Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli	-	"
21.	Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli	-	"
22.	Puan Kavitha a/p Chandragesan	-	"
23.	Encik M. Anbarasan a/l Murugesu	-	"

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1.	Encik Loka Ng Sai Kai	-	Ahli Majlis
2.	Encik Tan Pang Yeow	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
3. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
4. Encik Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
5. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
6. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
7. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Kesihatan
10. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
11. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari
Pengarah, Jabatan Bangunan
12. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Pengarah, Jabatan Pelesenan
13. Encik Fadzli bin Zubi
Pengarah, Jabatan OSC

14. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pegawai Integriti, Unit Integriti
15. Puan Noraziah binti Ali
Pengarah, Bahagian Audit Dalam
16. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
17. Puan Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
18. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
19. Puan Satinah binti Safirol
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
20. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap
21. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
22. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
23. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
24. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
25. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
26. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam

27. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
28. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
29. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
30. Encik Mohd Razif bin Abdul Rahman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
31. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
32. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
33. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
34. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
35. Cik Helda Syima binti Abu Talab
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
36. Encik Alias bin Miskon
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
37. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
38. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
39. Encik Nazri Faiz bin Zainal
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
40. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan

41. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
42. Puan Asmidar binti Shaarin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
43. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
44. Encik Mohd Saidi bin Alang
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
45. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
46. Encik Mohd Kamil bin Basir
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
47. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
48. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
49. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
50. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
51. Puan Azian binti Ropie
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
52. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
53. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam

54. Dr. Muhammad Khairin bin Zamauri
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
55. Cik Nadia binti Muhamad Amin
Penolong Pengarah, Bahagian Landskap
56. Puan Nor Najihah binti Sukor
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
57. Encik Mohamad Junus bin Baharom
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
58. Puan Diana binti Muhamed Daim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
59. Puan Zaiyanazareht binti Zaini
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
60. Encik Muhammad Iman bin Shafie Pati
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
61. Puan Noor Baizura binti Bakhtiar
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
62. Encik Mohd Faiz bin Sharil
Penolong Pegawai Perancang Bandar, Jabatan OSC

URUS SETIA

1. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Fadzil bin Mahat, Pengarah Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 UCAPAN PENGERUSI

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 11/2015 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 KECEMERLANGAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah menerima satu lagi kejayaan di peringkat antarabangsa dengan merangkul satu anugerah dalam ***Green Apple Awards For Commerce and Industry*** dengan tajuk ***Green Collaboration – Community Edible Greens*** di Westminster Palace, London pada **16 November 2015**.

Anugerah ini juga adalah susulan daripada **Anugerah Green Apple Awards** yang telah diterima oleh MPSJ pada tahun 2014 bagi kategori *The Environment Best Practice* menerusi inisiatif hijau bertajuk *The Biomass Way* dan **Anugerah World Green Ambassador 2015** yang diterima pada bulan Mei 2015 atas komitmen MPSJ dalam inisiatif dan pembangunan hijau.

Penganugerahan ini, sekaligus menaikkan prestij MPSJ dan Kerajaan Negeri Selangor di peringkat antarabangsa.

Majlis Perbandaran Subang Jaya merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung khususnya kepada seluruh Warga Kerja MPSJ, Pegawai, Ketua-Ketua

Jabatan serta Ahli Majlis MPSJ yang telah memberikan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sehingga MPSJ berjaya mencapai kejayaan yang cemerlang dan berprestij ini.

Sehubungan dengan itu, pihak Majlis sentiasa mengharapkan sokongan daripada semua pihak untuk MPSJ terus maju dan melakar lebih banyak kejayaan pada masa-masa akan datang.

2.2 MAJLIS MENANDATANGANI MOU “MALAYSIAN BUSKERS CORNER (MYBC)” DAN PUSAT BELI BELAH

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan mengadakan Majlis Menandatangani MOU “*Malaysian Buskers Corner*” dengan Pusat Beli Belah pada 25 November 2015 (Rabu), bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, MPSJ sejurus selepas berakhirnya Mesyuarat Penuh MPSJ.

Tiga (3) Pusat Beli Belah yang terlibat di dalam majlis menandatangani MOU bersama pihak “*Malaysian Buskers Corner*” ini ialah Mydin Mall USJ, The Summit USJ dan Sky Park One City.

2.3 PROGRAM CARI DAN MUSNAH AEDES

Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan kerjasama Syarikat Rentokil Initial Malaysia akan mengadakan Program Cari Dan Musnah Aedes pada 28 November 2015 (Sabtu), bermula pada jam 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari bertempat di Balai Masyarakat, Taman Puchong Perdana, Puchong, Selangor Darul Ehsan.

Di antara aktiviti yang akan diadakan ialah:

- i. Taklimat Biologi Nyamuk Aedes
- ii. Aktiviti Gotong Royong
- iii. Aktiviti Pengwasapan (*Water-Based*)

2.4 MAJLIS SAMBUTAN DEEPAVALI PERINGKAT MPSJ 2015

Sukacita dimaklumkan Majlis Sambutan Hari Deepavali Peringkat MPSJ Tahun 2015 akan diadakan pada:

Tarikh : 28 November 2015 (Sabtu)
Masa : 7.00 malam – 10.30 malam
Tempat : Dewan Serbaguna MPSJ,
Jalan Besar,
Seri Kembangan

Majlis ini akan dihadiri oleh Tetamu Kehormat Y. B. Tuan Gobind Singh Deo, Ahli Parlimen Puchong.

Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan sukacita menjemput semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ untuk turut sama memeriahkan majlis sambutan perayaan hari Deepavali peringkat MPSJ ini.

2.5 MAJLIS UPACARA PECAH TANAH TAMAN REKREASI HUTAN BANDAR MPSJ, USJ 3C, SUBANG JAYA

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan mengadakan Program Majlis Upacara Pecah Tanah Taman Rekreasi Hutan Bandar MPSJ, USJ 3C, Subang Jaya pada 05 Disember 2015 (Sabtu), bermula pada jam 7.45 pagi bertempat di Perkarangan Taska USJ 3C, Persiaran Setia, USJ 3C, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan bersempena dengan Hari Perancang Bandar Sedunia 2015.

Majlis ini akan disempurnakan oleh YAB. Tuan Mohamed Azmin bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor.

Program ini akan turut dihadiri oleh tetamu kehormat jemputan yang terdiri daripada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ketua-Ketua Jabatan dari pelbagai Agensi Kerajaan.

Projek Taman Rekreasi Hutan Bandar MPSJ, USJ 3C, Subang Jaya ini merupakan projek Hutan Bandar pertama di kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya.

Projek hutan bandar ini dirancang di atas tapak kawasan lapang seluas 7.86 ekar di kawasan USJ. Pada asalnya tanah tersebut adalah sebuah ladang kelapa sawit yang telah dibangunkan sebagai kawasan perumahan oleh pihak pemaju Sime Darby Properties Sdn. Bhd. Pada masa ini kawasan lapang tersebut kosong dan terdapat pelbagai jenis pokok di kawasan ini, diantaranya ialah pokok akasia dan lain-lain.

Di antara pengisian program bagi Majlis Upacara Pecah Tanah Taman Rekreasi Hutan Bandar MPSJ, USJ 3C ini ialah majlis menandatangani plak perasmian Taman Rekreasi Hutan Bandar MPSJ USJ 3C, menandatangani Perjanjian Persefahaman Bandar Rendah Karbon di antara MPSJ dan Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) serta aktiviti penanaman pokok.

Selain itu, terdapat beberapa pameran yang akan disediakan seperti pameran pembangunan Hutan Bandar MPSJ USJ 3C dan pameran daripada pihak Pertubuhan Perancang Malaysia.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir untuk bersama-sama memeriahkan Majlis Upacara Pecah Tanah Taman Rekreasi Hutan Bandar MPSJ, USJ 3C ini.

2.6 MAJLIS SAMBUTAN HARI KRISMAS PERINGKAT MPSJ 2015

Sukacita dimaklumkan Majlis Sambutan Hari Krismas Peringkat MPSJ Tahun 2015 akan diadakan pada:

Tarikh : 13 Disember 2015 (Ahad)
Masa : 11.00 pagi – 2.00 petang
Tempat : Kompleks 3K,
Serdang Raya

Majlis ini akan dihadiri oleh Tetamu Kehormat Y. B. Dr. Ong Kian Ming, Ahli Parlimen Serdang dan Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan, ADUN Subang Jaya.

Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan sukacita menjemput semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ untuk turut sama memeriahkan majlis sambutan perayaan Hari Krismas peringkat MPSJ ini.

2.7 PROGRAM “BACK TO SCHOOL” BAGI PROGRAM KESEJAHTERAAN MASYARAKAT BANDAR (PKMB) 2015

Sukacita dimaklumkan bahawa pada tahun 2015, pihak Majlis telah memperuntukkan sebanyak RM96,000.00 untuk melaksanakan program ‘*Back To School*’. Bersempena dengan program ini, setiap Jawatankuasa Penduduk (JKP) akan menerima 40 keping baucer bernilai RM100.00 setiap satu, untuk disumbangkan kepada 40 orang penerima sumbangan di bawah Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) 2015.

Jumlah keseluruhan peruntukan bagi program ini bernilai RM96,000.00 (RM 100.00 x 40 orang x 24 JKP). Penerima sumbangan akan menerima baucer terpilih daripada pasaraya Mydin, Giant, Tesco dan Aeon.

Objektif program ini adalah untuk membantu golongan kurang berkemampuan selaras dengan Konsep Kemasyarakatan Setempat dan sekaligus dapat meringankan beban masyarakat bagi membuat persediaan musim persekolahan.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengeratkan dan memperkukuhkan hubungan baik yang sedia ada terjalin di antara MPSJ dengan Ahli Majlis, Jawatankuasa Penduduk dan masyarakat setempat.

Pihak MPSJ akan mengadakan Majlis Penyampaian Baucer Program '*Back To School*' dan pembelian barangan persekolahan pada 19 Disember 2015 (Sabtu) bermula pada pukul 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari bertempat di Pasaraya Mydin, USJ 1, Subang Jaya dengan menggabungkan beberapa JKP yang terpilih iaitu JKP Zon 4, 6,12,14,17 dan 19.

2.8 PERTANDINGAN PIALA KABADDI MPSJ 2015

Majlis Perbandaran Subang Jaya bakal menganjurkan Pertandingan Piala Kabaddi MPSJ 2015. Pertandingan ini merupakan julung-julung kali diadakan dan adalah menjadi hasrat dan harapan MPSJ untuk memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Objektif pertandingan ini diadakan adalah bagi memperkenalkan permainan kabaddi kepada penduduk sekitar supaya mereka dapat lebih mengenali budaya sesuatu kaum melalui permainan tradisional ini. Pertandingan ini juga diadakan selaras dengan program pembangunan sukan diperingkat MPSJ bagi membentuk budaya sukan dan gaya hidup sihat dikalangan masyarakat dan komuniti setempat.

Pertandingan Piala Kabaddi MPSJ 2015 ini akan diadakan pada 19 – 20 Disember 2015 (Sabtu dan Ahad) bermula pada jam 9.00 pagi hingga 10.00 malam bertempat di Stadium MPSJ, Serdang Jaya.

Sasaran Penyertaan;

Penyertaan bagi pertandingan ini terbuka kepada 30 pasukan sahaja bagi kategori lelaki dan wanita.

Yuran penyertaan adalah sebanyak RM100.00 bagi setiap pasukan.

2.9 LAPORAN DEMAM DENGGI

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 46 (iaitu sehingga 21 November 2015) adalah sebanyak 9890 kes denggi telah dilaporkan di kawasan MPSJ.

Sehubungan dengan itu, dalam memerangi kes denggi ini adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan Kempen 10 Minit dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

2.10 CADANGAN PENYEWAAN MOTOSIKAL ELEKTRIK OLEH SYARIKAT ECLIMO MOTOR SDN. BHD. UNTUK KEGUNAAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Selaras dengan inisiatif Majlis Perbandaran Subang Jaya Ke Arah Bandar Hijau 2030, Program Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon (LCCF) MPSJ telah bersetuju untuk menggunakan motosikal elektrik daripada Syarikat Eclimo Motor Sdn. Bhd. bagi tujuan penggunaan oleh Jabatan Penguatkuasaan Majlis Perbandaran Subang Jaya. Pelaksanaan ini adalah melalui kaedah penyewaan motosikal.

MPSJ merupakan 'Strategic Partners' bersama Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) di bawah Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Eclimo Motor Sdn. Bhd. merupakan syarikat yang beroperasi di Pulau Pinang dan merupakan syarikat motosikal elektrik tempatan pertama di pasaran. Di antara agensi yang telah menggunakan motosikal elektrik adalah Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kentucky Fried Chicken (KFC).

Faedah yang diperolehi bagi pelaksanaan penggunaan motosikal elektrik ini selain daripada aspek penjagaan alam sekitar adalah dari aspek pelepasan karbon yang mana motosikal elektrik ini tidak mengeluarkan asap kenderaan.

Selain itu motosikal elektrik ini tidak mempunyai enjin yang bising dan ia memberikan faedah terhadap penjimatan dari aspek kos bahan api kerana motosikal elektrik ini tidak menggunakan petrol.

Penggunaan motosikal elektrik ini juga dapat membantu memberikan penjimatan dari aspek kos penyelenggaraan kerana kos penyelenggaraan adalah di bawah tanggungan pihak syarikat.

Oleh yang demikian, penggunaan motosikal elektrik ini akan memberikan satu imej dan *role model* kepada MPSJ yang merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama di negeri Selangor yang menggunakan motosikal elektrik ini.

Sehubungan dengan itu, pihak Majlis telah menjemput Syarikat Eclimo Motor Sdn. Bhd. untuk membawa beberapa buah motosikal elektrik bagi sesi pandu uji pada hari ini (25 November 2015).

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput untuk menghadiri sesi pandu uji ini yang akan diadakan diperkarangan "*grand stand*" Bangunan Ibu Pejabat MPSJ selepas berakhirnya Mesyuarat Penuh MPSJ pada hari ini.

2.11 PELAKSANAAN PELEKAT KOD QR LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN MPSJ SERTA SIJIL LESEN BAHARU MPSJ MULAI TAHUN 2016

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan melaksanakan penggunaan Pelekat Kod QR Lesen Perniagaan dan Iklan serta Sijil Lesen baharu berkuatkuasa pada tahun 2016.

Pelaksanaan ini akan melibatkan semua permohonan baharu dan juga lesen-lesen perniagaan dan iklan yang akan diperbaharui mulai tahun 2016. Objektif pelaksanaan Kod QR Lesen Perniagaan dan Sijil Lesen baharu ini adalah sebagai langkah penambahbaikan kepada sistem dan kaedah sedia ada.

Pelaksanaan Kod QR Lesen Perniagaan ini akan memudahkan anggota penguatkuasa dan pegawai MPSJ yang berkaitan untuk melakukan pemeriksaan dan membuat pengesahan Lesen Perniagaan yang sah kerana mereka hanya perlu mengimbas pada Kod QR yang dipaparkan.

Kod QR ini akan memudahkan akses maklumat secara terus melalui Sistem Pelesenan yang mengandungi maklumat dan butiran terperinci lesen berkenaan. Walau bagaimanapun, butiran terperinci berkenaan maklumat syarikat adalah terlindung daripada capaian orang awam dan hanya boleh diakses oleh pegawai-pegawai MPSJ sahaja melalui aplikasi khas yang disediakan.

Objektif pelaksanaan Pelekat Kod QR Lesen Perniagaan dan Sijil Lesen yang baharu adalah seperti berikut:

- i. Pemeriksaan dan pengesahan lesen perniagaan mudah dilakukan oleh pegawai dan anggota penguatkuasa MPSJ iaitu dengan hanya mengimbas kod QR di pelekat lesen perniagaan untuk mendapatkan segala butiran lesen perniagaan;
- ii. Pemeriksaan boleh dilakukan tanpa pemilik perniagaan mengemukakan Sijil Lesen Perniagaan;
- iii. Penambahbaikan terhadap pengurusan kawalan perniagaan MPSJ.

Caj pengurusan yang dikenakan ke atas pemegang lesen adalah sebanyak RM10.00 bagi setiap kelulusan baharu dan juga setiap kali lesen perniagaan diperbaharui.

Bagi pemegang lesen yang memperbaharui lesen perniagaan secara atas talian atau '*online*' melalui my@mpsj, pelekat Kod QR Lesen Perniagaan dan Sijil Lesen Perniagaan akan dihantar melalui kaedah pos.

Bagi pemegang lesen yang memperbaharui lesen perniagaan menerusi kemudahan kiosk, pelekat Kod QR Lesen Perniagaan dan Sijil Lesen Perniagaan boleh diambil di kaunter Jabatan Pelesenan.

2.12 PERKHIDMATAN KAUNTER BERGERAK UNTUK PEMBAHARUAN LESEN PASAR PAGI / PASAR MALAM BAGI TAHUN 2016

Pihak Majlis mengambil inisiatif untuk mengadakan perkhidmatan Kaunter Bergerak MPSJ sepanjang bulan Disember 2015 bagi tujuan memberi kemudahan kepada peniaga dan penjaja untuk memperbaharui lesen tanpa perlu datang ke Pejabat MPSJ.

Para peniaga juga adalah diwajibkan untuk membuat bayaran pembaharuan lesen pasar malam / pasar pagi hanya di Kaunter Bergerak MPSJ mengikut jadual seperti yang telah ditetapkan di sepanjang bulan Disember 2015 kecuali pada hari cuti umum seperti tarikh-tarikh berikut:

- i. 11 Disember 2015 – Hari Keputeraan DYMM Sultan Selangor*
- ii. 24 Disember 2015 – Hari Maulidur Rasul*
- iii. 25 Disember 2015 – Hari Krismas*

Waktu operasi Kaunter Bergerak MPSJ di pasar malam / pasar pagi adalah seperti berikut:

Pasar Malam : 5.00 petang hingga 8.00 malam
Pasar Pagi : 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

Bagi lokasi pasar malam / pasar pagi yang tidak tersenarai di dalam jadual Kaunter Bergerak MPSJ, peniaga yang terlibat boleh memperbaharui lesen pasar malam / pasar pagi di Kaunter Bergerak MPSJ yang dibuka di lokasi pasar malam / pasar pagi yang berhampiran.

Adalah diharapkan agar Perkhidmatan Kaunter Bergerak MPSJ ini, dapat memberikan kemudahan kepada para peniaga untuk memperbaharui lesen pasar malam / pasar pagi mereka.

2.13 ISU WARGA ASING BERNIAGA DI TAPAK PASAR BORONG SELANGOR, SERI KEMBANGAN

Pasar Borong Selangor di Bandar Putra Permai, Seri Kembangan adalah dibawah pengurusan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS). Peniaga-peniaga yang berniaga dan menyewa di tapak pasar PKPS adalah tertakluk kepada Perjanjian Penyewaan dengan pihak PKPS.

Semua peniaga tersebut dilesenkan oleh MPSJ berdasarkan kepada Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (MPSJ) 2007. Berdasarkan rekod MPSJ, tiada lesen dikeluarkan kepada peniaga warga asing.

Berdasarkan kepada perbincangan yang dilakukan di antara MPSJ dan pihak PKPS;

- i. Pihak PKPS akan memantau pematuhan ke atas syarat-syarat sewaan oleh peniaga terutamanya bagi memastikan mereka tidak menyewakan lot-lot perniagaan mereka kepada warga asing. Kegagalan pihak peniaga mematuhi syarat tersebut akan menyebabkan kontrak sewaan mereka boleh dibatalkan.
- ii. Pihak MPSJ juga akan membuat pemantauan ke atas pelanggaran syarat oleh peniaga yang melakukan kesalahan menyewakan lot-lot perniagaan mereka kepada warga asing. Tindakan pembatalan lesen akan dilaksanakan sekiranya peniaga didapati melakukan kesalahan menyewakan lot-lot perniagaan mereka kepada warga asing.
- iii. MPSJ akan mengadakan perbincangan dengan pihak Jabatan Imigresen untuk melaksanakan operasi penguatkuasaan terhadap warga asing yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 10/2015 BERTARIKH 28 OKTOBER 2015.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 10/2015 bertarikh 28 Oktober 2015 telah disahkan tanpa pindaan.

4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 21/2015 Bertarikh 04 Novemer 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.3 m.s 29	Encik Chia Yew Ken	Taylor's College Sdn. Bhd.	Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula syarat-syarat kelulusan ke atas Permohonan Kebenaran Merancang Membuat Perubahan Material Kegunaan Bangunan Daripada Pejabat Kepada Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Di No. 106, Jalan SS 15/4, SS 15, Wisma Subang Jaya, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.

				<p>Beliau membangkitkan isu berkenaan perkara ini supaya pihak Majlis akan meneliti dengan lebih terperinci ke atas semua permohonan yang akan diberikan pertimbangan oleh pihak Majlis di masa hadapan bagi sebarang permohonan kebenaran merancang membuat perubahan material kegunaan bangunan daripada pejabat kepada Institusi Pendidikan Tinggi di kawasan SS 15, Subang Jaya memandangkan telah banyak kolej dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta beroperasi di kawasan tersebut.</p> <p>Ia secara tidak langsung telah menyebabkan masalah kesesakan trafik di kawasan tersebut selain masalah tempat meletak kereta.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis akan memperhalusi isu-isu berbangkit mengenai perkara ini dan perkara ini akan</p>
--	--	--	--	---

				dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) yang akan datang.
2	para 5.6 m.s 32	Encik Wan Hock Leong	V Dragon Sdn. Bhd.	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula syarat-syarat kelulusan bagi Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Membuat Perubahan Material Kegunaan Bangunan Daripada Kilang Teres 1 ½ Tingkat Kepada Restoran Di Atas PT 1755, No. 66, Jalan PJS 11/7, Bandar Sunway, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan oleh syarikat V Dragon Sdn. Bhd.</p> <p>Beliau turut meminta pihak Majlis untuk mengadakan satu mesyuarat bagi membincangkan mengenai isu-isu berbangkit berkenaan kawasan tersebut.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Perancang Bandar untuk memperhalusi</p>

				isu-isu berbangkit di kawasan ini untuk dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) yang akan datang.
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

**4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Bil. 22/2015 Bertarikh 18 November 2015**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.3 m.s 17	Encik Wan Hock Leong	Permohonan Serentak Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan (Tambahhan Ubahsuai)	Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula syarat-syarat kelulusan bagi Permohonan Cadangan Tambahan Dan Ubahsuaian Daripada 1 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Yang Sedia Ada Kepada Asrama Di Atas Lot 37682, No. 21, Jalan PJS 9/16, Bandar Sunway, 46150 Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.

				<p>Beliau membangkitkan isu berkenaan perkara ini supaya pihak Majlis akan meneliti dengan lebih terperinci ke atas semua permohonan yang akan diberikan pertimbangan oleh pihak Majlis di masa hadapan bagi sebarang permohonan cadangan tambahan dan ubahsuaian daripada rumah teres yang sedia ada kepada asrama memandangkan ia secara tidak langsung telah menyumbang kepada beberapa isu kejurangan dan isu sosial di kawasan tersebut selain menimbulkan masalah tempat meletak kereta.</p> <p>Sehubungan dengan itu, beliau memohon supaya pihak Majlis mewujudkan satu dasar yang jelas berkenaan perkara ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis telah mengambil maklum mengenai perkara ini dan akan memperhalusi isu-isu</p>
--	--	--	--	---

				berbangkit berkenaan perkara ini untuk dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) yang akan datang.
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 11/2015 Bertarikh 05 November 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Bahagian Landskap

4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 11/2015 Bertarikh 11 November 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 09/2015 Bertarikh 12 November 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.7 m.s 9	Encik Tai Cheng Heng	Permasalahan Lambakan Kenderaan Buruk Di Depoh MPSJ	Beliau memohon supaya pihak Majlis membuat kajian dengan lebih menyeluruh bagi mengkaji kaedah yang terbaik di dalam mencari jalan penyelesaian ke atas permasalahan lambakan kenderaan buruk di depoh MPSJ. <u>Maklumbalas:</u> Pengarah Penguatkuasaan memaklumkan bahawa pihak Majlis telah menjalankan kerjasama dengan agensi luar seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhubung tindakan pelupusan terhadap kenderaan buruk di depoh kenderaan MPSJ.

				<p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis akan memperhalusi beberapa cadangan dan resolusi berkenaan perkara ini dan tindakan penambahbaikan akan dilaksanakan dengan lebih berkesan bagi menangani isu-isu berbangkit berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Bahagian Audit Dalam

4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 07/2015 Bertarikh 12 November 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 11/2015 Bertarikh 16 November 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.16 m.s 13	Encik Pooi Weng Keong	Cadangan Pembinaan Tempat Letak Kereta Bertingkat Di SS 15, Subang Jaya	Beliau memohon supaya maklumat terperinci berhubung Cadangan Pembinaan Tempat Letak Kereta Bertingkat Di SS 15, Subang Jaya akan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam mesyuarat bersama Ahli Majlis MPSJ dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Subang Jaya terlebih dahulu, sebelum ia dihantar untuk mendapatkan kelulusan diperingkat Kerajaan Negeri menerusi mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES). <u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta

				Jabatan Kejuruteraan untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

4.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 11/2015 Bertarikh 16 November 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	Encik Tai Cheng Heng	Cadangan Membina "Flyover" Untuk Sambungan Jalan Daripada MEX Expressway Ke Jalan Putra Permai	Beliau memohon penjelasan daripada pihak Majlis berhubung cadangan membina "flyover" untuk menggantikan cadangan simpang lampu isyarat untuk sambungan jalan daripada MEX Expressway (Kuala Lumpur – Putrajaya Maju Expressway) ke Jalan Putra Permai, Seri Kembangan.

				<p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan untuk mendapatkan ulasan daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan pihak MEX Expressway bagi memberikan penjelasan lanjut berhubung perkara ini di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur yang akan datang.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

4.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 11/2015 Bertarikh 17 November 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pelesenan

**5.0 KERTAS PERTIMBANGAN SEMULA KE ATAS TUJUH (7) BANTAHAN DAN CADANGAN AWAM KE ATAS DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (PENGUBAHAN 2) 2020 UNTUK DIANGKAT KE MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR
(Kertas Mesyuarat Bil. 10/11/2015)**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan memperakukan** Kertas Pertimbangan Semula Ke Atas Tujuh (7) Bantahan Dan Cadangan Awam Ke Atas Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya (Pengubahan 2) 2020 Untuk Diangkat Ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor dengan keputusan seperti berikut;

- i. **Memperaku dan menerima** syor-syor Jawatankuasa Siasatan Tempatan Dan Pendengaran terhadap enam (6) daripada tujuh (7) bantahan dan cadangan permohonan yang dikemukakan bagi cadangan pengubahan zon guna tanah dan klasifikasi aktiviti kegunaan tanah serta 13 cadangan pengubahan zon guna tanah bagi tanah kerajaan, Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya (Pengubahan 2) 2020 (DRTMPSJ (P2) 2020);
- ii. **Menangguhkan** keputusan bagi para enam (6) seperti di senarai bantahan iaitu bagi permohonan oleh Lee Kau Maxcol Holding S/B bagi tujuan pengezonan semula / pertukaran zon guna tanah bagi Lot 1314 dan Lot 1315, daripada Industri kepada Perniagaan & Perkhidmatan di Bukit Tandang, Puchong, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.

Tindakan : Jabatan Perancang Bandar

6.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 6.1 YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID), S.I.S., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S.
Pengerusi Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA